

Kegagalan capai 30 peratus penyertaan Bumiputera

Semua pihak bertanggungjawab

KUALA LUMPUR, Jumaat — Tidak ada satu pihak yang harus dipersalahkan atas kegagalan Bumiputera mencapai penyertaan 30 peratus dalam bidang perniagaan dan perusahaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan bersalah kerana terlalu memanjakan Bumiputera dan peniaga Bumiputera juga bersalah kerana tidak mengukur keupayaan diri sendiri sebelum menceburi bidang perniagaan.

“Keadaan ini menyebabkan wujudnya persekitaran yang terlalu lembut. Ia tidak menguji kekuatan Bumiputera, mengetepikan yang lemah dan menolong mereka yang gagah dalam perniagaan. Akibat persekitaran ini, yang gagah juga menjadi lemah,” katanya ketika merasmikan Ekspo Niaga 1988 anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia cawangan Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Oleh ROSLAN ALI

“Kita dapati kebanyakan Bumiputera tidak menguruskan perniagaan dengan baik dan teliti. Kebanyakan mereka menjalankan tugas secara sambilan atau tidak memberi perhatian kepada butir-butir penting secara terperinci sehingga menyebabkan mereka gagal,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menegur sikap peniaga Bumiputera yang tidak mengukur keupayaan diri sendiri, sebaliknya hanya mementingkan perniagaan besar bagi mendapat keuntungan lumayan.

Perdana Menteri berkata mereka hanya tertumpu kepada perniagaan besar kerana kononnya ini akan memberi keuntungan yang besar tanpa memikirkan bahawa perniagaan besar juga boleh menyebabkan kerugian yang besar.

Ekspo lapan hari itu disertai oleh 66 syarikat Bumiputera dan agensi kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata persekitaran ‘lembut’ tidak memerlukan kekuatan untuk mengatasi cabaran hidup, terutama dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

“Kaedahnya seperti orang sakit diberi tongkat sepanjang masa dan tidak pernah membuang tongkat itu sehingga akhirnya dia lumpuh kerana ototnya tidak digunakan sama sekali.”

Beliau berkata peniaga Bumiputera pula terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan dan tidak berusaha meningkatkan keupayaan mereka.

“Banyak kelemahan wujud di kalangan Bumiputera dan ini termasuklah kelemahan pengu-
rusan.

Menurutnya perkembangan ini dikesan oleh sektor bank tempatan dan adalah satu fenomena baru di kalangan Bumiputera.

“Dalam keadaan begini, soal peluang perniagaan, tempat dan modal tidak lagi menjadi masalah.

“Sepatutnya keupayaan diri untuk menjalankan perniagaan perlu dikaji dengan teliti,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat pandangan bahawa Bumiputera tidak memikirkan soal modal untuk berniaga menjadi punca mengapa mereka ghairah menjalankan perniagaan besar.

“Dahulu mereka yang ingin berniaga perlu mengumpul modal sendiri untuk berniaga. Tetapi atas desakan Bumiputera, kerajaan menubuhkan bank bagi mengatasi masalah itu,” katanya.

Cabaran

Only one tribunal, says PM

NST 16 JUL 1988

KUALA LUMPUR, Fri. — The five Supreme Court judges suspended on July 6 for alleged misconduct will face a single tribunal, Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today.

"There is no need for five separate tribunals to hear the charges against them. One tribunal is enough," said Dr Mahathir in response to questions by reporters.

Some lawyers had said that the Federal Constitution clearly stipulates that each judge to be removed for alleged offences must face a separate tribunal.

The five suspended Supreme Court judges are Tan Sri Wan Suleiman Pawan Teh, Tan Sri Eusoffe Abdoolcader, Tan Sri Wan Hamzah Mohamed Salleh, Datuk George Seah and Datuk Azmi Mohamed Kamaruddin.

The Prime Minister was speaking to newsmen after officiating the Nury Child and Family Develop-

ment Institute Convention '88 at the International Youth Centre here.

On the Johore Baru Parliamentary by-election scheduled for Aug 25, Dr Mahathir said the Barisan Nasional has not decided on its choice of candidate.

He said the Barisan Nasional supreme council had not met to discuss this issue.

So far, Datuk Shahrir Samad, who resigned as MP early this month "to get a fresh mandate from the electorate", and the Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) had announced their intentions to contest the by-election.

DAP which had initially said it would contest has not made any final decision. Its acting secretary-general, Mr Lee Lam Thye, said last week that the DAP would not contest if PSRM also adopted a similar decision to allow a straight fight between Barisan Nasional and Datuk Shahrir.

Nomination day is fixed for Aug 11.